

Rujukan kami: UMP.03.01/10.12/3 (58)

Tarikh: 21 Oktober 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.8 TAHUN 2022
PERKHIDMATAN PENGURUSAN KAFETARIA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.8 Tahun 2022 berkenaan kontrak Perkhidmatan Pengurusan Kafetaria Bagi Tempoh Tiga Tahun Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./Tuan/ Puan, selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang



PEKELILING BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERKHIDMATAN PENGURUSAN KAFETERIA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa Universiti telah melantik Pengusaha Utama (*Anchor Tenant*) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kafeteria di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Universiti Bil.1 Tahun 2022 telah melantik syarikat Segi Seri Sdn Bhd bagi tempoh tiga (3) tahun melalui kontrak UMP/BEND/SH/2021(31): Perkhidmatan Pengurusan Kafeteria Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun bermula 1 Mei 2022 sehingga 30 April 2025;
- 2.2 Pengusaha Utama bertanggungjawab mengaku janji dan memberikan jaminan perkhidmatan termasuk memenuhi segala obligasi hal ehwal pengurusan fasiliti kafeteria serta melantik sub-pengusaha bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan kafeteria sepertimana yang dikehendaki oleh Universiti di Kampus Gambang dan Kampus Pekan;
- 2.3 Pengusaha dalam pada melaksanakan tanggungjawabnya, dikehendaki sentiasa mematuhi segala undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang

dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Universiti seperti berikut:

- a) Akta Makanan 1983
- b) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
- c) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA)
- d) Akta Kilang dan Jentera 1967 (FMA)
- e) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- f) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004
- g) Akta Racun MakhluK Perosak 1974 (Akta 149)
- h) Peraturan-Peraturan Gas 1997
- i) Garis Panduan Penilaian Pengiktirafan Kafeteria Sihat 2012
- j) Garis Panduan Pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” [BeSS] bagi Pengusaha Premis Makanan 2012
- k) Akta-akta lain, pekeliling dan surat-surat pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa
- l) Arahan-arahan Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa

2.4 Merujuk kepada Surat Setuju Terima pada Lampiran E klausa A(12): Syarikat bertanggungjawab dan tertakluk kepada arahan Universiti membekal, menghantar dan menghidang makanan dan minuman sekiranya dikehendaki oleh mana-mana PTJ atau pejabat dalam Universiti termasuk bagi program-program rasmi Universiti;

2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil.21/2022 pada 19 Oktober 2022 bersetuju dengan pelaksanaan semua PTJ dan sekretariat program/majlis diminta mematuhi syarat-syarat perjanjian kontrak Perkhidmatan Kafeteria untuk membuat tempahan makanan serta minuman melalui syarikat pengusaha utama bagi semua jenis mesyuarat, majlis, bengkel atau program Universiti;

2.6 UMP menguatkuasakan sepenuhnya pematuhan syarat-syarat kontrak oleh pihak-pihak yang berkontrak termasuk daripada semua PTJ dan sekretariat program/majlis bagi menjayakan misi untuk menjadikan pengurusan kafeteria di UMP cekap, berkesan dan memenuhi keperluan keseluruhan keperluan pelajar dan warga UMP;

- 2.7 Selama kontrak masih berkuatkuasa, PTJ tidak perlu menguruskan perolehan secara sebutharga bagi nilai yang melebihi RM20,000.00 sekaligus dapat menjimatkan masa dan memberi tumpuan kepada pengurusan majlis;
- 2.8 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, semua PTJ tidak lagi dibenar menguruskan pembelian daripada syarikat-syarikat luar dan hendaklah membuat pesanan makanan dan minuman secara terus kepada syarikat pengusaha utama bagi semua jenis mesyuarat, majlis, bengkel atau program Universiti seperti maklumat di Lampiran 1;
- 2.9 Sekiranya pengusaha utama tidak bersetuju secara bertulis untuk membuat penghantaran dan pembekalan, PTJ dibenarkan membuat tempahan dengan pihak luar dengan mematuhi peraturan perolehan yang sedang berkuatkuasa melalui pemantauan Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari.

3.0 TATACARA TEMPAHAN KERAIAN

- 3.1 PTJ hendaklah menghubungi pihak syarikat bagi membuat tempahan termasuk menggunakan sistem tempahan yang akan digunakan iaitu <https://umpgo.com/>;
- 3.2 Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan pesanan tempatan;
- 3.3 Nombor kontrak hendaklah dicatatkan dalam pesanan tempatan;
- 3.4 Peruntukan PTJ hendaklah mencukupi bagi setiap tempahan;
- 3.5 Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi mana-mana perolehan yang tidak dibuat melalui syarikat yang telah dilantik.
- 3.6 Bagi tujuan kawalan, kadar keraian UMP hendaklah dipatuhi seperti mana ringkasan kadar seperti Lampiran 2 sebagaimana dalam Pekeliling Bendahari Bil.4 Tahun 2016 dan Surat Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2017.

4.0 HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan Pekeliling ini boleh dirujuk kepada pegawai berikut:

- i. Puan Sabarehan Binti Hj. Ismail
Jabatan Pendaftar, Bahagian Khidmat Pengurusan
09-431 6375 / sabarehan@ump.edu.my
- ii. Puan Jasminah Binti Adnan
Jabatan Pendaftar, Bahagian Khidmat Pengurusan
09-431 6387 / jasminah@ump.edu.my

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 November 2022.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 21 Oktober 2022

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

Lampiran 1**Maklumat Pengusaha Utama**

No Kontrak	:	UMP/BEND/SH/2021(31)
Tajuk Kontrak	:	Perkhidmatan Pengurusan Kafeteria Bagi Tempoh Tiga Tahun Di Universiti Malaysia Pahang
Nama Syarikat	:	Segi Seri Sdn Bhd (609041-M)
		No.38-1, Jalan Pelabur A, 23/A , Seksyen 23, 40000 Shah Alam, Selangor.
Nama Untuk Dihubungi	:	Encik Nik Junaidi Bin Juhari Encik Azrui Bin Itam
No Telefon	:	019-709 5048 013-383 3838
Tempoh Kontrak	:	3 Tahun
Tarikh Mula	:	1 Mei 2022
Tarikh Tamat	:	30 April 2025 (sebarang pelanjutan tempoh kontrak akan dimaklumkan dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus)

Kadar keraian UMP yang perlu dipatuhi seperti di **Lampiran 2**

KADAR KERAIAN UMP

Sebutharga Untuk : PERKHIDMATAN PENGURUSAN KAFETARIA BAGI TEMPOH TIGA TAHUN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

No. Sebutharga : UMP/BEND/SH/2021(31)

Perkara: TEMPAHAN MAKANAN BAGI MESYUARAT DAN PROGRAM UNIVERSITI

1. Kadar keraian

Jenis	A	B	C	D	E	F
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Sarapan pagi	3.50	6.00	30.00	8.00	3.50	20.00
Makan tengahari	7.00	16.00		17.00	7.00	35.00
Minum petang	3.50	6.00		5.00	3.50	20.00
Makan malam	7.00	16.00		-	7.00	35.00

A: Mesyuarat Jabatan

B: Mesyuarat Utama

C: Majlis Persaraan

D: Sambutan Hari Inovasi

E: keraian untuk aktiviti seminar/bengkel/latihan

F: Mesyuarat melibatkan Naib Canselor/LPU dengan pihak luar

2. Kadar keraian bagi meraikan tetamu yang melibatkan Sultan, Canselor, Menteri, Menteri Besar, Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Tinggi Kerajaan daripada Universiti/Agensi lain, Pegawai Korporat Swasta dan melibatkan tetamu luar negara adalah mengikut kadar sebenar dengan harga yang berpatutan dan munasabah.

Rujukan:

Pekeliling Bendahari Bil 4 Tahun 2016

Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2017